



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

'INI WARISAN KITA' PERKUKUH WADAH PERPADUAN MELALUI KHAZANAH WARISAN NEGARA

KLANG, 6 September 2023 – Program 'Ini Warisan Kita' @SMK Perempuan Methodist, Klang telah **dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara** pada hari ini. Program yang bertemakan 'Melestarikan Perpaduan' ini adalah **kesinambungan daripada pelancarannya pada 9 Julai 2023** yang lalu di IOI City Mall, Putrajaya. Pelaksanaan program ini sangat bertepatan dengan hasrat Kerajaan dalam **membangun Malaysia MADANI** yang menerapkan elemen hormat-menghormati serta menjadikan **warisan sebagai salah satu platform pengukuhan perpaduan** dalam kalangan rakyat Malaysia.

Program 'Ini Warisan Kita' @SMK Perempuan Methodist, Klang ini **melibatkan 1,700 orang pelajar pelbagai kaum** yang **turut dihadiri pelajar daripada 12 buah sekolah lain di sekitar Klang** iaitu SK Methodist (ACS), SMK Methodist (ACS), SMK Bukit Kuda, SMK Convent, SMK Telok Gadong, SMK Tengku Ampuan Rahimah, SMK La Salle, SMK Perempuan Raja Zarina, SMK Shah Bandaraya, SMK Sri Andalas, SMK Bukit Tinggi dan SMK Batu Unjur.

Objektif utama penganjuran program ini adalah bagi **melestarikan perpaduan dengan meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara** ini. Program ini menyasarkan guru dan pelajar sekolah pelbagai latar belakang untuk mempelajari dan menghayati sendiri kepelbagaian warisan yang dibawakan khas kepada mereka.

Antara **pengisian utama program** ini adalah:-

- i. Persembahan khas oleh pelajar SMK Perempuan Methodist, Klang seperti persembahan kebudayaan, persembahan koir 'Sama-sama Kita' dan persembahan tarian kemerdekaan;

- ii. Panel '*Moment of Unity*' iaitu panel gambar yang memaparkan detik-detik perpaduan yang tercetus dalam kalangan masyarakat untuk dihayati oleh setiap pengunjung; dan
- iii. Pameran Reruai Agensi yang mempamerkan naskhah-naskhah warisan yang menjadi khazanah berharga negara di reruai Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Inisiatif 'Ini Warisan Kita' adalah salah satu pengisian utama dalam program *flagship* Kementerian iaitu **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI melalui konsep 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'**. Selain dapat meningkatkan pengalaman dan '*feel good factor*', program seumpama ini berupaya **menyuntik semangat cinta kepada tanah air melalui penghayatan terhadap kepelbagaian khazanah** yang kita warisi sejak turun temurun lagi.

KPN akan **memperluaskan lagi program 'Ini Warisan Kita' ke seluruh negara termasuklah pelaksanaannya di peringkat sekolah** bagi tujuan meningkatkan lagi pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara ini,

Kementerian Perpaduan Negara

6 September 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (51)